

Kerajaan tak

12 MEI 1978

boleh buat

sesuka—Dr. M

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, Kerajaan bukanlah sebuah agen bebas yang boleh bertindak sesuka hatinya tanpa sebarang sekatan dan batasan.

Suatu perkara yang selalu disalahfahamkan kata beliau ialah pendapat bahawa Kerajaan bebas bertindak sesuka hatinya berdasarkan cadangan serta pandangan orang ramai.

Berucap merasmikan seminar dan bengkel daya pengeluaran dalam industri-industri perkilangan di Universiti Malaya di sini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan bukan sahaja terpaksa memikirkan peruntukan undang-undang, yang setengahnya tidak boleh dipinda lagi, tetapi juga setiap tindakannya akan menimbulkan reaksi dari orang ramai.

"Selain dari kemungkinan reaksi yang boleh menjejaskan kedudukan Ke-

rajaan sendiri, ia kadangkala boleh menimbulkan kesan yang berlainan hasil dari cadangan yang dikemukakan itu," jelas beliau.

Katanya, di negara ini wakil-wakil Kerajaan jarang sekali ketinggalan menghadiri seminar atau bengkel yang dianjurkan oleh sesuatu pihak itu. Dan inilah sepatutnya berlaku.

Katanya, Kerajaan bukan sahaja perlu mendengar pendapat orang lain, tetapi juga mengemukakan pendapat dan pandangannya.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata sejak akhir-akhir ini didapati ramai orang dari berbagai bidang dan peringkat yang menyedari tentang peranan yang dimainkan oleh daya pengeluaran bagi menjayakan ekonomi sesuatu negara itu.

Katanya, kalau dahulu cuma para pengusaha atau pengurus-pengurus kilang sahaja yang menyebut tentang daya pengeluaran, hari ini minat terhadap bidang tersebut telah juga ditunjukkan oleh para pekerja dan kesatuan-kesatuan mereka, ahli-ahli profesional dari berbagai jurusan serta para cerdik-pandai ilmiah.

Minat terhadap bidang tersebut telah menjadikannya bukan lagi satu usaha yang "ad hoc" oleh pengurus-pengurus apabila menghadapi masalah, tetapi merupakan satu sains tertentu, tambah beliau.

Menurut beliau, minat yang ditunjukkan oleh universiti-universiti dan khususnya jurutera-jurutera dalam bidang daya pengeluaran amatlah menggalakkan dan sangat dialu-alukan oleh Kerajaan.